

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1. Pengenalan.

Ibadat zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima telah menjadi kefardhuan kepada umat Islam.<sup>1</sup> Sistem agihan zakat yang berkesan dapat berperanan untuk pembangunan masyarakat.<sup>2</sup> Ia merangkumi 3 hubungan yang berkait rapat iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia seterusnya menjalinkan hubungan manusia dengan alam. Ia juga menyentuh secara langsung tentang kehidupan dan sosioekonomi umat Islam.<sup>3</sup>

Mahmood Zuhdi Abd. Majid menyatakan objektif ibadat zakat adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama, menjamin agihan pendapatan yang seimbang, membasmi kemiskinan, menikmati kemakmuran ekonomi secara kolektif dan seterusnya membawa bekalan kehidupan pada hari akhirat kelak.<sup>4</sup> Apabila dikaitkan dengan pembangunan ekonomi Islam, Joni Tamkin Borhan menyatakan ia haruslah mempunyai keseimbangan antara material dan spiritual, merangkumi pembangunan manusia, sosial, kebudayaan, meliputi akhlak, kerohanian termasuklah

---

<sup>1</sup> Ibn Hajar al-Asqalānī (1991), *Fath al-Bāri*, Beirut: Dar al-Fikr jil. 4, h. 81, Nasim Shah Shirazi (1996), "Targetting, Coverage and Contribution of Zakat To Households' Income: The Case of Pakistan", *Journal of Economic Cooperation Among Muslim Countries*, 17, h.165. Nik Mustapa Nik Hassan (2001), "Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi" dalam Nik Mustapa Nik Hassan (penyunting) *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia h.32. Mustofa al-Khin et.al (1989), *al-Fiqh al-Manhaji*, Damsyik: Dar al 'Ulūm al-Insāniyah, h.11.

<sup>2</sup> Ahmad Sarji Abdul Hamid (2001), prakata dalam Nik Mustapa Nik Hassan (penyunting), *op.cit*, h.iv.

<sup>3</sup> Ab. Rahim Zakaria (2007), "Pengurusan Zakat Kontemporari", *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji*, Vol. 1, No. 1, h.13.

<sup>4</sup> Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32-47.

kebendaan, kualitatif dan kuantitatif, dalaman dan luaran. Pembangunan seimbang akan memberi kesan yang positif kepada masyarakat untuk meningkatkan kualiti hidup, mampu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kemiskinan, memenuhi keperluan asas manusia seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan.<sup>5</sup> Kemiskinan pula bukan sekadar miskin dari sudut monetari atau material semata-mata tetapi Islam juga menganjurkan supaya membasmi kemiskinan dari sudut non monetari atau spiritual. Dengan erti kata lain kesan daripada pembangunan ekonomi menurut Islam ialah manusia akan dapat menikmati kehidupan yang selayaknya sebagaimana yang telah difitrahkan oleh Allah SWT dan memenuhi kehendak *maqāṣid syarīah*.

Manakala dalam masalah kemiskinan kerajaan telah menjadikan ia sebagai agenda penting dalam pembangunan negara. Sebagai contoh, Rancangan Malaysia Ke Sepuluh menetapkan empat strategi iaitu: (1) meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah, (2) memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam ekonomi, (3) memastikan akses kepada infrastruktur fizikal asas dinikmati oleh semua rakyat; dan (4) melahirkan masyarakat yang lebih progresif dan inklusif seiring dengan semangat 1Malaysia.<sup>6</sup>

Sebelum itu, kerajaan mensasarkan matlamat untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010 daripada 5.0% kepada 2.9% pada akhir tahun 2010.<sup>7</sup> Di dalam Bajet 2008 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM214 juta bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, RM117 juta ringgit

---

<sup>5</sup> Joni Tamkin Borhan (2002), "Polisi Kewangan Menurut Perspektif Ekonomi Islam", *Jurnal Syariah*, 10:1, hh. 71-88.

<sup>6</sup> Rancangan Malaysia Ke-10 (2010), Bab 4, Menuju Ke Arah Pembangunan Sosioekonomi Secara Inklusif, Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, h.143, [http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10/rmke10\\_bm.html](http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/html/RMKE10/rmke10_bm.html). 15 Mac 2011

<sup>7</sup> Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan (2009), *Maklumat Asas Program Kemiskinan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, hh.1-2.

diperuntukkan bagi melaksanakan Program Pengurangan Kemiskinan dan Program Lonjakan Mega.<sup>8</sup>

Manakala pada Bajet 2009 pula, kerajaan telah menaikkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemberian bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kelayakan pendapatan isi rumah kini ditingkatkan daripada RM400 sebulan kepada RM720 untuk Semenanjung, RM830 sebulan untuk Sarawak dan RM960 untuk Sabah. Ini bermakna, bilangan penerima bantuan meningkat dua kali ganda daripada 54 ribu isi rumah kepada 110 ribu isi rumah.<sup>9</sup> Keadaan demikian membuktikan bahawa agenda membasmi kemiskinan sebagai satu agenda penting dalam pentadbiran kerajaan kerana ianya melibatkan keperluan hidup rakyat.

Pengagihan dan pendapatan merupakan salah satu indeks kualiti hidup manusia sama ada dari pandangan ekonomi Islam mahupun ekonomi konvensional. Melalui pertumbuhan ekonomi, agihan semula kekayaan kepada masyarakat secara saksama akan dapat menjamin kestabilan politik dan perpaduan negara terus dapat dinikmati oleh seluruh rakyat. Pada waktu yang sama isu yang kritikal dan menjadi cabaran kepada negara-negara Islam masa kini ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyediakan prasarana kebajikan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.<sup>10</sup>

Persoalannya, adakah sistem ekonomi Islam menyediakan mekanisma agihan semula kekayaan yang bermatlamatkan untuk membasmi kemiskinan? Dalam hal

---

<sup>8</sup> Ucapan Bajet 2008, Kementerian Kewangan Malaysia, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub08.pdf> 14 September 2009.

<sup>9</sup> *Ibid.*,

<sup>10</sup> Islamic Research and Training Institute (2008), "Islamic Financial Services Industry Development Ten Year Framework and Strategies", [http://www.ifsb.org/docs/10\\_yr\\_framework.pdf](http://www.ifsb.org/docs/10_yr_framework.pdf), h.v. 2 Januari 2008

demikian Ismail Sirageldin menyatakan usaha membasmi kemiskinan menjadi tugas kepada seluruh individu dan pihak swasta. Institusi zakat pula merupakan institusi penting mendokong prinsip-prinsip mengambil berat antara sesama individu dan mencapai taraf sosial yang baik.<sup>11</sup> Abdul Rahim Abdul Rahman menukarkan pandangan Monzer Kahf bahawa agihan zakat merupakan sebahagian daripada sistem sosial masyarakat, menjadi salah satu mekanisma agihan semula harta kekayaan untuk mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin.<sup>12</sup> Asmak Ab Rahman turut menyatakan umat Islam perlu menzahirkan rasa persaudaraan dan saling sokong menyokong melalui mekanisma perkongsian harta kekayaan dengan orang lain.<sup>13</sup>

Dari kenyataan di atas menunjukkan Islam mempunyai mekanisma tersendiri dan istimewa untuk membasmi kemiskinan menerusi agihan kekayaan semula dan salah satu mekanisma tersebut datangnya daripada sumber zakat. Konsep agihan kekayaan semula dalam Islam sudah tentu berbeza dengan konsep agihan semula menurut aliran-aliran lain yang bukan Islam. Apabila konsepnya berbeza maka definisi, ciri-ciri dan kaedah untuk mengatasi masalah kemiskinan juga berbeza dengan aliran selain Islam.

Dari aspek membasmi kemiskinan pula, sama ada di peringkat kerajaan, individu mahupun institusi zakat sendiri perlu memainkan peranan masing-masing agar objektifnya tercapai. Realiti yang berlaku pada hari ini, masyarakat melihat golongan miskin masih wujud di mana-mana, tanpa mengira anutan agama, bangsa, tempat, gender atau sebarang faktor-faktor kemiskinan yang lain. Manakala kemiskinan pula

---

<sup>11</sup> Ismail Sirageldin (2000), "Elimination of Poverty: Challenges and Islamic Strategies", *Islamic Economic Studies*, Vol. 8, No. 1, hh.1-16.

<sup>12</sup> Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), "Pre-Requisite for Effective Integration of Zakah Into Mainstream Islamic Financial System in Malaysia", *Journal Islamic Economic Studies*, Vol 14, No. 1 dan 2, Aug.2006 dan Jan.2007, hh. 91-107.

<sup>13</sup> Asmak Ab Rahman (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1, h.114

seringkali diterjemahkan sebagai suatu keadaan seseorang yang mengalami kekurangan, keperitan, kesusahan, kepayahan dan segala macam penderitaan yang dialami oleh golongan miskin. Disebabkan banyaknya kemiskinan yang meliputi pelbagai aspek, maka kaedah untuk membasmi kemiskinan adalah perkara paling rumit untuk diselesaikan dalam apa jua keadaan sekalipun.

Institusi zakat di seluruh negeri yang bertanggungjawab untuk membantu dan meringankan masalah mereka juga dilihat telah dan terus melaksanakan banyak program dan skim bantuan agihan zakat pada saban tahun, tetapi kadar kemiskinan masih terus wujud. Keadaan yang berterusan sebegini seolah-olah memberi pemahaman kepada kita bahawa isu kemiskinan tidak mampu dihapuskan secara total meskipun golongan ini diberi bantuan zakat.

Mengapa isu kemiskinan masih berlaku sedangkan Islam telah menjadikan agihan dana zakat sebagai salah satu mekanisma yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan? Adakah bantuan zakat tidak berkesan atau kaedah agihannya tidak bertepatan untuk golongan tersebut? Adakah pengukuran dan dimensi kemiskinan melalui aspek pendapatan tidak boleh dibasmi dengan mudah?

Permasalahan yang telah dijelaskan kemungkinan mempunyai kaitan dengan ketidakberkesanan agihan zakat yang diberi tanggungjawabnya kepada institusi zakat. Ketidakberkesanan tersebut dinyatakan melalui kajian oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid berkenaan peranan institusi zakat untuk membantu golongan miskin tidak dapat diserlahkan dan kurang meyakinkan.<sup>14</sup> Seandainya konsep

---

<sup>14</sup> Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2005), "Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal", *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Bil. 39, h.54.

kemiskinan yang diukur melalui aspek pendapatan menjadi punca masalah tersebut adakah kaedah tertentu dari perspektif syariah mampu untuk mengatasinya? Persoalannya adakah agihan zakat berkesan untuk membasmi kadar kemiskinan, mengurangkan jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan fakir miskin?

Memahami isu kemiskinan dari pandangan Islam secara tepat dan benar merupakan asas untuk membentuk paradigma dan persepsi sebenar berkenaan masalah dalam membasmi kemiskinan. Kefahaman yang benar akan membuka persepsi, ideologi dan falsafah agihan zakat yang tepat untuk membasmi kemiskinan. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengukur sejauhmana agihan zakat menyumbang kepada usaha-usaha mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Analisis data melalui kaedah kuantitatif akan memfokuskan aspek pendapatan atau kewangan sebagai pengukuran terhadap keberkesanan agihan zakat. Namun begitu kajian ini turut menganalisis data berbentuk kualitatif dari perspektif *maqāsid syarīah* agar dapat memahami falsafah kekayaan dan kemiskinan untuk membantu asnaf fakir dan miskin terkeluar dari belenggu kemiskinan.

## **1.2. Latar Belakang Masalah Kajian.**

Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun, terus melaksanakan pelbagai usaha-usaha membasmi kemiskinan sama ada di peringkat negara mahupun di peringkat

negeri. Malaysia juga dikenali sebagai negara yang mengelolakan aktiviti Islam dengan cara memastikan banyak peluang pendidikan dan program pembasmian kemiskinan.<sup>15</sup>

Unit Perancang Ekonomi Negeri pula telah menjalankan 2 program utama dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) iaitu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Kedua-dua program terbabit mensasarkan kepada golongan Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang berdaftar, keluarga miskin yang berpendapatan isi rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan, Orang Kurang Upaya (OKU), ibu tunggal yang miskin, orang tua, cacat, uzur dan mereka yang memerlukan bantuan keperluan asas.<sup>16</sup>

Golongan miskin merupakan sebahagian daripada populasi golongan berpendapatan rendah dan dengan memahami kehidupan golongan ini, kesukaran dan tekanan yang mereka hadapi boleh dikenal pasti.<sup>17</sup> Manakala data kemiskinan yang dilaporkan di peringkat antarabangsa secara langsung mengetengahkan isu kemiskinan di kalangan wanita terutama wanita sebagai KIR.<sup>18</sup> Jadual 1.1 di bawah menerangkan mengenai insiden kemiskinan Negeri Sembilan bagi tahun 2004 dan 2007.

Jadual 1.1: Insiden Kemiskinan Negeri Sembilan 2004 dan 2007

2004	2007
1.4	1.3

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, (EPU)<sup>19</sup>

<sup>15</sup> Julie Chernov Hwang (2007), "Islamic Mobilization and The Malaysian State", *KATHA The Official Journal of The Centre for Civilisational Dialogue* vol.3 [http://myais.fsktm.um.edu.my/5435/1/4\\_-\\_Islamic\\_Mobilization\\_and\\_the\\_Malaysian\\_State.pdf](http://myais.fsktm.um.edu.my/5435/1/4_-_Islamic_Mobilization_and_the_Malaysian_State.pdf). 12 Febuari 2008.

<sup>16</sup> Unit Perancang Ekonomi (2009), *op.cit.*, h.3.

<sup>17</sup> Mohd Amim Othman (2004), "Golongan Berpendapatan Rendah: Perspektif Islam", dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (ed.), *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h.32.

<sup>18</sup> Jariah Masud dan Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid (2004), "Wanita Ketua Isi Rumah: Isu dan Cabaran", dalam Mohd Amim Othman dan Nurizan Yahya (ed.), *ibid*, h.138.

<sup>19</sup> Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Insiden Kemiskinan Mengikut Negeri [http://www.epu.gov.my/insiden\\_kemiskinan.pdf](http://www.epu.gov.my/insiden_kemiskinan.pdf). 12 Febuari 2011.

Membasmi kemiskinan juga merupakan sebahagian usaha ke arah pengagihan kekayaan dan pendapatan kepada golongan yang kurang kemampuan sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Ia juga bertujuan mencipta perbezaan ekonomi yang adil dan saksama.<sup>20</sup> Ia selaras dengan rumusan dalam wawasan Islamic Development Bank (2008) yang menyatakan bahawa zakat bukan hanya instrumen untuk membantu kemiskinan bahkan ianya adalah sebagai pemacu kepada pembangunan ekonomi dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pembiayaan hutang.<sup>21</sup>

Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang telah mengambil usaha-usaha meningkatkan pengurusan kutipan melalui anak syarikat iaitu MAINS Zakat Sdn Bhd. Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) yang mula beroperasi pada Januari 2000 telah menunjukkan hasil kutipan zakat yang memberangsangkan. Umpamanya pada tahun 2010 jumlah kutipan zakat ialah RM46.4 juta berbanding RM38.6 juta pada tahun 2009.<sup>22</sup> Bilangan pembayar zakat turut meningkat dan menyumbang kepada jumlah kutipan pada setiap tahun. Contohnya seramai 42,562 orang pembayar zakat pada tahun 2009 berbanding 30517 orang pembayar pada tahun 2008.<sup>23</sup>

Berdasarkan statistik kutipan zakat dan bilangan pembayar menunjukkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (selepas ini ditulis sebagai MAINS) begitu agresif dengan pelbagai usahanya untuk memastikan harta zakat dapat diagihkan kepada asnaf yang layak. Sebagai contoh pihak MAINS telah mengagihkan

---

<sup>20</sup> Zulkefly Abdul Karim, Mohd. Azlah Shah Zaidi dan Hairunnizam Wahid (2004), "Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan Cabaran" dalam Hailani Muji Tahir, Abd Ghafar Ismail dan Zamzuri Zakaria (penyunting) *Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Kumpulan Kajian Zakat UKM: Univision Press Sdn.Bhd.hh.79-94.

<sup>21</sup> Islamic Development Bank (2008), Minutes of The Second IDB 1440H Vision Commission Meeting, <http://www.isdb.org/irj/go/km/docs/document>. 6 Januari 2008.

<sup>22</sup> Ab.Rahim Zakaria (2007), *op.cit.*, h.13.

<sup>23</sup> Pusat Zakat Negeri Sembilan, Analisis Kutipan Zakat, <http://www.zakatns.com.my/v2/Analisis>, 24 Ogos 2009.



zakat pada tahun 2007 kepada semua asnaf sebanyak RM 31.1juta. Manakala peruntukan bagi asnaf fakir miskin adalah yang tertinggi sebanyak RM10.6 juta berbanding asnaf-asnaf yang lain. Data agihan zakat seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.2. menunjukkan bahawa golongan tersebut merupakan golongan yang diberi keutamaan dalam mekanisme agihan zakat.

Jadual 1.2: Statistik Agihan Zakat Di Negeri Sembilan Pada Tahun 2007

Asnaf	Jumlah (RM)
Fakir Dan Miskin	10,697,359.85
Muallaf	1,995,800.54
Riqab	8,256,140.32
Fisabilillah	5,590,644.34
Amil	3,340,913.37
Gharimin	1,074,182.66
Ibnu Sabil	237,131.00
JUMLAH	31,192,172.08

Sumber : Statistik Agihan Zakat, Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS).<sup>24</sup>

Bersesuaian dengan matlamat penubuhan MAINS yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal umat Islam maka langkah-langkah untuk membela asnaf fakir miskin perlu diberi perhatian. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan, mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan.

<sup>24</sup> *Ibid.*

### 1.3. Pernyataan Masalah Kajian.

Salah satu objektif agihan zakat ialah untuk merapatkan perbezaan jurang ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum.<sup>25</sup> Menurut Hailani Muji Tahir zakat menjadi sebahagian polisi fiskal negara, boleh menjana kuasa beli masyarakat dan meningkatkan produktiviti negara.<sup>26</sup> Zakat juga boleh menjamin kestabilan ekonomi dalam keadaan inflasi dan diflasi serta mampu menyelesaikan sebahagian masalah pembangunan negara.

Manakala kemiskinan adalah fenomena yang kompleks, suatu keadaan yang menunjukkan kekurangan pertumbuhan dan ketakseimbangan pendapatan. Keadaan ini memerlukan satu polisi yang efektif menggabungkan keseluruhan institusi sosial yang bertanggungjawab dalam usaha membasmi kemiskinan.<sup>27</sup>

Secara umumnya prestasi kutipan zakat di setiap negeri memanglah ia sesuatu yang amat membanggakan kerana berlaku peningkatan kutipan pada setiap tahun. Kesedaran orang ramai, peningkatan taraf ekonomi dan usaha padu daripada pengurusan zakat adalah antara faktor-faktor yang dikatakan penyumbang kepada peningkatan prestasi kutipan zakat.

Sehingga kini terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk program pembasmian kemiskinan bandar seperti perumahan keluarga miskin, pengurangan beban tanggungan

---

<sup>25</sup> Zulkefly Abdul Karim et.al (2004), *op.cit.*, h.79-94.

<sup>26</sup> Hailani Muji Tahir (2004), “Kedudukan Allah, Nisab, Kadar dan Haul Dalam Menjana Sumber Zakat Korporat”, dalam Hailani Muji Tahir dan Abd. Ghafar Ismail (penyt.), *op.cit.*, h.3.

<sup>27</sup> Ismail Sirageldin (2000), *op.cit.*,

keluarga, mengenalpasti peluang pekerjaan, pendidikan dan latihan serta memberi bantuan ihsan.

Negeri Sembilan juga giat berusaha untuk mencapai sasaran miskin tegar seperti yang terdapat di dalam laporan Kajian Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2007.<sup>28</sup> Ini menjadikan agenda membasmi kemiskinan merupakan agenda penting di dalam dasar kerajaan seperti yang termaktub dalam bajet tahunan negara<sup>29</sup> dan RMK-9. Strategi yang digunakan ialah mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk.<sup>30</sup>

Kutipan zakat di Negeri Sembilan juga dilaporkan mengalami peningkatan pada setiap tahun selain peningkatan jumlah para pembayar zakat.<sup>31</sup> Implikasi daripada peningkatan tersebut menjadikan jumlah bantuan kepada asnaf fakir miskin turut bertambah. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) turut mempelbagaikan skim-skim bantuan kepada fakir miskin sama ada dalam bentuk bantuan kewangan bulanan, bantuan hari raya, perubatan, pendidikan termasuklah bantuan makanan asas yang disalurkan kepada golongan tersebut.<sup>32</sup>

Berdasarkan pernyataan di atas pengkaji mendapati persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

---

<sup>28</sup> Kajian Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan Laporan Akhir Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (2007), (tidak diterbitkan), h.10.

<sup>29</sup> Lihat ucapan Bajet 2008 dan 2009 yang memasukkan peruntukan kerajaan dalam program membasmi kemiskinan. Kementerian Kewangan Malaysia, <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub08.pdf>. 3 Febuari 2009.

<sup>30</sup> *Op.cit.*, h. 46.

<sup>31</sup> Statistik kutipan zakat Pusat Zakat Negeri Sembilan, <http://www.zakatns.com.my>. 2 Disember 2007.

<sup>32</sup> Zainal bin Said, Pegawai Agihan Zakat MAINS, Temubual pada 12 Disember 2007.

1. Meskipun usaha-usaha membasmi kemiskinan di peringkat kerajaan persekutuan mahupun di Negeri Sembilan terus giat dijalankan, namun begitu masih terdapat golongan fakir miskin. Apakah profil golongan yang dikategorikan sebagai asnaf fakir miskin?
  
2. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menambahbaik pengurusan institusi zakat termasuklah melaksanakan dasar pengkorporatan institusi zakat melalui penubuhan anak syarikat MAINS untuk meningkatkan kutipan. Namun begitu fenomena kemiskinan masih terus berlaku sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Adakah dana zakat yang disalurkan kepada asnaf fakir miskin memberi kesan positif kepada pengurangan kadar kemiskinan?
  
3. Walaupun terdapat banyak agensi-agensi pembasmian kemiskinan yang menjalankan usaha membasmi kemiskinan termasuk pihak MAINS sendiri, namun begitu masih lagi wujud jurang kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin. Adakah agihan zakat berkesan mengurangkan jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin?
  
4. Meskipun mengikut statistik dari PZNS bahawa kutipan zakat harta, zakat fitrah dan jumlah pembayar zakat mengalami peningkatan pada setiap tahun tetapi masih ada asnaf yang memerlukan bantuan zakat khususnya dari asnaf fakir miskin. Adakah kutipan zakat berkesan dalam mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan kepada asnaf fakir miskin?

5. Islam mempunyai perspektif yang unik dan istimewa berkenaan konsep kekayaan dan kemiskinan. Apakah pandangan Islam berkenaan konsep kekayaan, kemiskinan dan kaedah untuk membasmi kemiskinan?

Secara umumnya daripada pernyataan masalah di atas menunjukkan bahawa aspek kutipan zakat bukanlah masalah utama tetapi isu yang wajar diberi perhatian mendalam ialah kesan agihan zakat untuk membasmi kemiskinan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Oleh yang demikian kajian penilaian (*evaluative research*) mengenai agihan zakat perlu dilakukan bagi mendapatkan data dan hasil yang bertepatan.

#### **1.4. Persoalan Kajian**

Daripada pernyataan-pernyataan masalah kajian seperti yang telah dinyatakan di atas maka menimbulkan persoalan-persoalan kajian berikut:

1. Apakah profil golongan asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan?
2. Adakah agihan zakat berkesan mengurangkan kadar kemiskinan?
3. Adakah agihan zakat berkesan mengurangkan jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan ?
4. Adakah agihan zakat berkesan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan terhadap golongan fakir dan miskin?
5. Apakah pengukuran kemiskinan menurut perspektif *maqāṣid syarīah*?

## 1.5. Objektif Kajian

Pengkaji telah menetapkan beberapa objektif supaya dapat menumpukan kajian terhadap permasalahan yang timbul. Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan khusus:

### Objektif Umum:

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan.

### Objektif Khusus:

1. untuk mengenalpasti profil responden asnaf fakir dan miskin Negeri Sembilan.
2. untuk mengukur kesan agihan zakat ke atas kadar kemiskinan asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan.
3. untuk menganalisis kesan agihan zakat ke atas jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan dan nisbah jurang pendapatan.
4. untuk mengenalpasti kesan agihan zakat ke atas ketidakseimbangan agihan pendapatan.
5. untuk mengenalpasti keberkesanan agihan zakat menurut *maqāṣid syarīah*.

## 1.6. Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan khususnya terhadap asnaf fakir miskin Negeri Sembilan. Rekabentuk secara kuantitatif berdasarkan indeks-indeks kemiskinan iaitu kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan akan diukur ketika membuat analisis data.<sup>33</sup> Indeks-indeks yang akan digunakan menumpukan aspek monetari atau pendapatan sahaja sebagai fokus kajian ini kerana ianya banyak diberi tumpuan oleh sarjana dalam bidang ekonomi konvensional mahupun Islam. Aspek monetari atau pendapatan dan pengagihan merupakan salah satu daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) untuk mengukur kesejahteraan rakyat dan keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Namun begitu kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan juga akan diperjelaskan berdasarkan kaedah kualitatif atau falsafah kesan agihan zakat menurut *maqāsid syarī'ah*. Dengan kaedah kuantitatif dan kualitatif akan dapat menjelaskan data-data kajian yang lebih komprehensif berkenaan isu kemiskinan.

Meskipun Negeri Sembilan terletak di lokasi yang strategik di tengah-tengah arus pembangunan dan kemajuan di wilayah selatan, cabaran terhadap usaha membasmi kemiskinan tetap wujud. Selain institusi zakat, masalah kemiskinan di kalangan masyarakat Islam Negeri Sembilan turut mendapat perhatian dari institusi kebajikan dan individu-individu yang sedar mengenai tanggungjawab sosial mereka.

---

<sup>33</sup> Perbincangan lanjut indeks-indeks kemiskinan sila rujuk Bab 3 Metodologi Kajian.

Pemilihan Negeri Sembilan sebagai lokasi kajian adalah berasaskan fakta-fakta berikut:

1. MAINS menerima pengiktirafan empat bintang daripada Jabatan Audit Negara kerana pengurusan kewangan yang cekap, khususnya wang zakat bagi tahun 2008.<sup>34</sup>
2. Berdasarkan data daripada MAINS, Negeri Sembilan mempunyai seramai 5148 asnaf fakir miskin pada tahun 2008.<sup>35</sup>
3. MAINS mempunyai seramai 18,122 orang bilangan penerima bantuan dalam program pembasmian kemiskinan Negeri Sembilan pada tahun 2008.<sup>36</sup>
4. Negeri Sembilan mendapat peruntukan kerajaan persekutuan sebanyak RM4.4 juta untuk Program Peningkatan Pendapatan bagi tahun 2008 dan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM1.3 juta.<sup>37</sup>

Justeru, berasaskan daripada fakta-fakta di atas maka kajian ini memfokuskan keberkesanan agihan zakat di Negeri Sembilan dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Hasil kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi panduan dan rujukan bagi MAINS dalam meningkatkan taraf sosioekonomi asnaf fakir miskin.

### **1.7. Signifikan Kajian.**

Kajian ini dilakukan kerana ianya signifikan kepada 3 perkara :

---

<sup>34</sup> Pusat Zakat Negeri Sembilan (2008), *op.cit.*, 15 September 2009.

<sup>35</sup> Unit Agihan Zakat MAINS (2008), (tidak diterbitkan).

<sup>36</sup> Unit Perancang Ekonomi Negeri Negeri Sembilan (2009), *op.cit.*, h. 20.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h.21.



### **1. Signifikan Dari Sudut Teori.**

Dari segi teori dan falsafah, dana zakat merupakan mekanisma penting untuk mewujudkan keadilan sosioekonomi, membasmi kemiskinan dan pengagihan semula kekayaan. Golongan fakir dan miskin tergolong sebagai mereka yang layak menerima agihan zakat kerana menghadapi kesulitan dari aspek kekurangan pendapatan untuk memenuhi keperluan asas mereka. Oleh itu agama Islam menuntut agar usaha membasmi kemiskinan terus dilaksanakan sehingga tiada lagi yang tergolong dalam kemiskinan sama ada kemiskinan material mahupun kemiskinan spiritual. Selain itu kajian ini akan menambahkan lagi teori-teori kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan seperti mana yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain.

### **2. Signifikan Dari Sudut Amalan.**

Kajian empirikal ini digunakan untuk mengukur kesan agihan zakat sebagai ejen membasmi kemiskinan dengan menggunakan indeks kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Selain menganalisis data dari aspek kemiskinan monetari, pengkaji turut menganalisis punca kemiskinan dari aspek non monetari atau kerohanian. Oleh itu kajian ini signifikan kepada pihak MAINS bagi meningkatkan tahap pengurusan agihan zakat menerusi huraian data profil kemiskinan, indeks-indeks kemiskinan sebelum dan selepas agihan zakat serta penjelasan data kualitatif berkenaan isu kemiskinan dari perspektif Islam.

### **3. Signifikan Dari Sudut Pembentukan Dasar.**

Dapatan kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada pihak MAINS untuk membentuk dasar agihan zakat yang bersesuaian bagi mengatasi masalah kemiskinan

monetari dan non monetari di kalangan asnaf fakir dan miskin. Justeru, dengan adanya pembaharuan dalam aspek agihan zakat yang efisien akan dapat memastikan objektif agihan zakat akan membantu golongan fakir miskin memenuhi keperluan asas dalam bentuk pendapatan tetapi juga memenuhi keperluan kerohanian yang turut diberi penekanan sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

Berdasarkan huraian di atas, boleh disimpulkan bahawa kajian ini signifikan dari sudut teori, amalan dan pembentukan dasar dalam membasmi masalah kemiskinan terhadap asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Data-data empirikal bersama dengan profil responden, indeks-indeks kemiskinan dan prinsip *maqāsid syarīah* yang digunakan akan memberi gambaran sejauhmanakah agihan zakat menyumbang usaha-usaha membasmi kemiskinan khususnya dari aspek agihan pendapatan.

### **1.8. Susunan Penulisan.**

Kajian ini terbahagi kepada 6 bab yang merangkumi susunan penulisan seperti berikut:

Pada bab 1 pengkaji menghuraikan pendahuluan yang terdiri daripada pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan signifikan kajian.

Bab 2 pula pengkaji menjelaskan kerangka teori kemiskinan, definisi konsep, definisi operasional, indikator kemiskinan, Paras Garis Kemiskinan (PGK) sebagai penentu kemiskinan dan kaedah mengatasi kemiskinan. Selanjutnya pengkaji menghuraikan kerangka teori agihan zakat dalam membasmi kemiskinan yang terdiri

dari konsep kemiskinan monetari dan non monetari, falsafah pengagihan zakat, takrif asnaf fakir dan miskin, amalan pengurusan dan kutipan zakat. Konsep zakat pula dihuraikan bersama tajuk pengertian zakat dari sudut bahasa, istilah dan dalil-dalil pensyariatan zakat. Selanjutnya pengkaji menghuraikan bahaya kemiskinan menurut pandangan Islam, zakat dan konsep pembasmian kemiskinan dan had kifayah sebagai indikator yang menggariskan sempadan kemiskinan. Seterusnya pengkaji menghuraikan sorotan kajian yang berkaitan zakat dalam membasmi kemiskinan dan rumusan daripada kajian-kajian lepas.

Pada bab 3 pengkaji menerangkan metodologi kajian yang terbahagi kepada 2 kaedah iaitu pertama, kaedah pengumpulan data dan kedua, kaedah analisis data. Bagi data primer pengkaji mendapatkan maklumat daripada borang soal selidik yang terdiri daripada 8 bahagian untuk diisi ketika temu bual bersama responden yang merangkumi demografi, pendapatan ketua isi rumah dan ahli isi rumah, bantuan yang diberikan kepada responden, perbelanjaan isi rumah, bantuan yang diterima daripada MAINS, jangka masa responden menerima zakat dan pandangan responden terhadap keberkesanan agihan zakat.

Seterusnya pengkaji menghuraikan kesahan kandungan, kaedah temu bual, jumlah populasi kajian, kaedah persampelan, saiz sampel, skop dan lokasi kajian. Selain itu pengkaji juga menjelaskan kaedah temubual bersama Pegawai Unit Agihan Zakat Negeri Sembilan bagi mendapatkan data primer yang berkaitan dengan responden. Data sekunder juga diambil daripada buku rujukan, jurnal, kertas kerja, prosiding, tesis, laporan tahunan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan buletin yang berkaitan zakat. Bagi menjelaskan konsep agihan zakat maka data-data primer dan sekunder akan dapat

memperlihatkan perspektif Islam dan konvensional mengenai kemiskinan material dan bukan material, pendapatan dan kerohanian atau kewangan dan bukan kewangan. *Maqāṣid Syarīah* menjadi asas dan kerangka kajian ketika menjelaskan isu kemiskinan non monetari agar keberkesanan agihan zakat dapat difahami dalam erti kata sebenar. Ini bermakna selain kaedah kuantitatif yang melibatkan angka-angka dan pengiraan indeks kemiskinan sebelum dan selepas agihan zakat, kajian ini juga akan menganalisis data dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu isu kemiskinan dari aspek bukan monetari, falsafah agihan zakat dalam Islam, pengurusan kemiskinan pada zaman ‘Umar Abdul Aziz sebagai model sistem agihan kekayaan dan prinsip *maqāṣid syarīah* dalam membasmi kemiskinan.

Bagi menganalisis data pula pengkaji menghuraikan melalui profil responden dengan menggunakan perisian SPSS version 17.0 (*Statistical Package for Social Science*) bagi menjelaskan perihal profil responden. Selanjutnya untuk menganalisis kesan agihan zakat dalam usaha membasmi kemiskinan pula kajian ini menggunakan indeks-indeks kemiskinan iaitu (1) kadar kemiskinan, (2) jurang kemiskinan, (3) purata jurang kemiskinan, (4) nisbah jurang pendapatan dan (5) ketidakseimbangan agihan pendapatan. Indeks ke 5 akan ditunjukkan dengan menggunakan Pekali Gini dan Keluk Lorenz bagi menentukan nilai ketidakseimbangan agihan pendapatan asnaf fakir dan miskin. Seterusnya analisis data keberkesanan agihan zakat menurut perspektif *maqāṣid syarīah* akan melengkapkan dapatan kajian terutama dari aspek non monetari.

Pada bab 4 pengkaji menghuraikan latar belakang kawasan kajian yang terdiri daripada 2 bahagian iaitu latar belakang Negeri Sembilan dan MAINS. Huraian bagi menerangkan latar belakang kawasan kajian terdiri daripada lokasi, sektoral

pembangunan, guna tanah, ekonomi, limpahan pembangunan dan perancangan dan pembangunan di Negeri Sembilan. Seterusnya huraian mengenai MAINS terdiri daripada sejarah penubuhan, bidang kuasa, visi, misi dan objektif majlis. Selanjutnya pengkaji menghuraikan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah MAINS, bahagian Baitul Mal dan peranan MAINS dalam membasmi kemiskinan di Negeri Sembilan.

Bab 5 pengkaji menghuraikan analisis data yang terdiri daripada profil responden, analisis keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan, kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan menggunakan Pekali Gini dan Keluk Lorenz. Seterusnya diuraikan analisis keberkesanan agihan zakat menurut perspektif *maqāsid syarīah* akan melengkapkan analisis kajian terutama dari aspek non monetari.

Bab 6 pula kajian ini akan merumuskan berkenaan profil responden, kesan agihan zakat terhadap (1) kadar kemiskinan, (2) jurang kemiskinan, (3) purata jurang kemiskinan, (4) nisbah jurang pendapatan dan (5) ketidakseimbangan agihan pendapatan. Selanjutnya kesan agihan zakat akan dinilai berdasarkan kepada konsep agihan zakat menurut syariah melalui pengolahan secara deduktif iaitu menilai agihan zakat menurut prinsip *maqāsid syarīah*. Akhir sekali kajian ini akan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diberi perhatian untuk menambahbaik agihan zakat di Negeri Sembilan seperti mensasarkan golongan mudah miskin, menyediakan skim khas warga tua, mempertingkatkan pendidikan dan kemahiran golongan Orang Kurang Upaya, jaringan maklumat dan aktiviti ekonomi ibu tunggal, meningkatkan sistem

penyampaian bantuan, mengadakan lawatan ke rumah asnaf dan memartabatkan institusi zakat di peringkat arus perdana.

## **1.9. Kesimpulan**

Terdapat dua faktor yang boleh dijadikan asas bagi melakukan kajian ini iaitu, pertama: agihan kekayaan semula atau pengagihan dan pendapatan sememangnya menjadi sebahagian daripada konsep ekonomi Islam untuk pembangunan manusia dan negara. Islam telah menyediakan pelbagai mekanisma bagi menjamin keadilan sosial, mewujudkan persaudaraan, memenuhi kekehendak manusia dan yang lebih utama adalah manifestasi daripada bentuk ketaatan dan kewajipan terhadap perintah Allah SWT. Kedua, terdapat peningkatan jumlah kutipan zakat dan pembayar zakat di Negeri Sembilan pada setiap tahun. Institusi zakat juga melaksanakan pelbagai program dan skim bantuan sama ada dari aspek kewangan, motivasi dan kemahiran asnaf untuk membasmi kemiskinan. Namun begitu, masalah kemiskinan dan kadar kemiskinan masih wujud di Negeri Sembilan.

Menurut pandangan Islam agihan zakat seharusnya dapat berfungsi sebagai instrumen untuk membasmi kemiskinan terhadap asnaf fakir dan miskin sehingga ke tahap yang paling optimum. Namun begitu, benarkah agihan zakat MAINS berkesan untuk membasmi kemiskinan dari aspek monetari dan bukan monetari sebagaimana yang dikehendaki oleh syariah? Justeru kajian ini akan mengukur kesan agihan zakat dengan menggunakan indeks-indeks kemiskinan untuk melihat tahap pengurangan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Kelima-lima indeks tersebut

akan dibuat dua perbandingan iaitu sebelum agihan zakat dan selepas agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Selepas mengukur indeks tersebut kajian ini akan menjelaskan mengapakah kemiskinan masih wujud di kalangan asnaf fakir miskin sedangkan mereka telah pun diberi agihan zakat. Penggunaan kedua-dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif akan memberi hasil kajian yang komprehensif dan jitu dalam memahami kesan agihan zakat di kalangan asnaf fakir dan miskin. Oleh itu dapatan kajian ini diharapkan akan membantu pihak MAINS dalam meningkatkan keberkesanan agihan zakat ke tahap yang lebih cemerlang.